

Air naik lebih satu meter

Fenomena air pasang berlaku di luar jangkaan penduduk

■ MUHAMMAD FAIZ SULONG

KAPAR – Lebih 11 keluarga dari Kg Batu 4 Jalan Kapar terpaksa dipindahkan setelah air banjir naik hingga melebihi paras satu meter akibat fenomena air pasang besar sejak pagi kelmarin.

Menurut Ketua Kg Batu 4 Jalan Kapar, Mohd Samsidi Sudri, kejadian tersebut berlaku di luar jangkaan dan dia dimaklumkan paras air naik hingga menyebabkan ban pecah pada awal pagi kelmarin.

“Pada Ahad, kira-kira jam 7.30 pagi, saya mendapat laporan daripada seorang penduduk yang juga ahli jawatankuasa kampung mengatakan kawasan depan rumahnya dah dilimpahi air.

“Punca air yang melimpah akibat ban yang pecah di kawasan berhampiran...penduduk dari Kg Batu 4 yang dipindah-



SAMSIDI

kan ke pusat pemindahan ini sejak semalam sekitar 11 keluarga dan melibatkan kira-kira 70 orang.

“Pagi tadi juga masih ada penduduk Kg Batu 4 yang diarahkan berpindah ke sini oleh pihak bomba dan penyelamat kerana keadaan air yang masih tinggi. Dalam pemantauan sejak semalam, saya dapati air banjir naik sehingga paras bawah pusat (1 hingga 1.5 me-



Penduduk Kg Batu 4 Jalan Kapar dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Dewan Datuk Ahmad Razali.

ter),” katanya.

Menurutnya lagi, benteng penahan air yang sedia ada menggunakan batang kelapa yang dipasak di kawasan tebing tidak dapat me-

nampung paras air sewaktu pasang besar.

“Pada awalnya mungkin kawasan ini tidak terlalu berisiko kerana dilindungi hutan paya bakau selain jarak kawa-

san perkampungan ke kawasan sungai kira-kira 100 meter berbanding di Kg Tok Muda yang secara geografinya lebih terbuka dan terdedah kepada Selat Melaka.

“Namun, hari ini nampaknya ban dan benteng di sini (Kg Batu 4) yang pecah dan penduduk sekitar terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Dewan Datuk Ahmad Razali ini,” katanya lagi.

Selain itu, penduduk yang berpindah dalam keadaan yang selamat namun apa yang merisaukan mereka ialah keselamatan keadaan rumah dan barang yang ditinggalkan di rumah setelah dipindahkan.

“Apa pun saya mewakili penduduk Kg Batu 4 berterima kasih kepada semua agensi yang terlibat termasuk pihak bomba dan penyelamat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Zakat Selangor dan lain-lain pihak yang terlibat sepanjang fenomena air pasang besar ini berlaku termasuk Adun Sementa (Dr Daroyah Alwi),” katanya.